
International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)
www.gaexcellence.com/ijmoe

"KAD FLIP" SEBAGAI INTERVENSI KREATIF BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN MUFRADAT BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR

"FLIP CARDS" AS A CREATIVE INTERVENTION TO IMPROVE ARABIC VOCABULARY MASTERY AMONG STUDENTS

Nur Izzah Syahira Ramli[1], W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail[2], Ain Khairina Ahmad Shukri[3], Nurul Izzati Makhtar[4], Fatimatulzahra' Badrol[5]

[1]Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia
nrizzahsyahira@gmail.com https://orcid.org/0009-0008-2469-9342
[2]Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia
woasaifuddin@unisza.edu.my https://orcid.org/0000-0002-8605-6448
[3]Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia
ainkhairinashukri@gmail.com https://orcid.org/0009-0001-4824-1263
[4]Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia
izzati101201@gmail.com https://orcid.org/0009-0008-8882-8465
[5]Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia
fatimatulzahra030@gmail.com https://orcid.org/0009-0001-2064-1062
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 20.07.2026
Revised date: 30.07.2026
Accepted date: 20.08.2026
Published date: 23.09.2026

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan kad flip sebagai intervensi bagi meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Masalah kajian berpunca daripada kaedah pengajaran yang kurang interaktif, berpusatkan guru dan tidak mampu mengekalkan minat serta perhatian pelajar terhadap pembelajaran kosa kata Bahasa Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dengan reka bentuk keratan rentas. Seramai 200

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

To cite this document:

Ramli, N. I. S., Ismail, W. O. A. S. W., Shukri, A. K. A., Makhtar, N. I., & Badrol, F. (2026). "Kad Flip" Sebagai Intervensi Kreatif Bagi Meningkatkan Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Modern Education, 8*(31), 1271-1285.

orang responden telah dipilih melalui kaedah persampelan mudah dan data dikumpulkan menggunakan soal selidik dalam talian yang dianalisis secara statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kad flip mendapat penerimaan yang sangat tinggi dalam kalangan responden, dengan semua item berada pada tahap tinggi dan min keseluruhan sebanyak 4.40. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kad flip berkesan dalam membantu pelajar memahami, mengingati dan mengaplikasikan mufradat, di samping meningkatkan motivasi, keyakinan dan penglihatan mereka dalam PdP Bahasa Arab. Kesimpulannya, kad flip merupakan bahan bantu mengajar yang sesuai dan berkesan untuk diperkukuhkan dalam pengajaran mufradat Bahasa Arab kerana mampu menyokong pembelajaran yang lebih interaktif, bermakna dan menyeronokkan.

DOI: 10.35631/IJMOE.831074

Kata Kunci:

Intervensi; Kad Flip; Mufradat Bahasa Arab; Motivasi Pelajar; Penguasaan Kosa Kata

Abstract:

This study aims to evaluate the effectiveness of using flip cards as an intervention to enhance students' mastery of Arabic vocabulary (*mufradat*). The research problem stems from teaching methods that are less interactive, teacher-centred, and unable to sustain students' interest and attention in learning Arabic vocabulary. This study employed a quantitative survey approach using a cross-sectional research design. A total of 200 respondents were selected through convenience sampling, and data were collected using an online questionnaire and analysed using descriptive statistics. The findings revealed that the use of flip cards received a very high level of acceptance among the respondents, with all items recording high mean scores and an overall mean of 4.40. The results also indicated that flip cards were effective in helping students understand, remember, and apply Arabic vocabulary, while simultaneously enhancing their motivation, confidence, and engagement in the teaching and learning process of the Arabic language. In conclusion, flip cards are an appropriate and effective teaching aid that should be further strengthened in Arabic vocabulary instruction, as they support a more interactive, meaningful, and enjoyable learning experience.

Keyword:

Arabic Vocabulary; Flip Cards; Intervention; Students Motivation; Vocabulary Mastery.

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar di semua peringkat terutamanya bagi mereka yang mempelajarinya. Bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang sering ditakuti oleh pelajar kerana mereka menganggap bahawa Bahasa Arab ialah bahasa yang sukar dan membosankan. Pengajaran mufradat Bahasa Arab di sekolah menengah dan di universiti sering menghadapi cabaran seperti kaedah pengajaran yang terlalu berpusatkan guru, penekanan terhadap hafalan semata-mata serta kurangnya minat pelajar terhadap pembelajaran kosa kata. Keadaan ini menyebabkan pelajar sukar memahami dan mengaplikasikan mufradat dalam kehidupan harian. Menurut Ulfah (2020), sekolah merupakan tempat yang boleh memberikan pengaruh yang tinggi kepada masyarakat. Yang demikian, guru perlu memainkan peranan untuk mempengaruhi penguasaan pelajar dalam pembelajaran. Sehubungan dengan itu, penggunaan "Kad Flip" diperkenalkan sebagai satu intervensi kreatif yang dapat memberi peluang kepada pelajar untuk belajar, mengulang dan mengingati mufradat melalui aktiviti yang lebih interaktif. Penggunaan kad ini diharapkan dapat menjadikan proses pembelajaran bahasa Arab lebih menyeronokkan di samping membantu meningkatkan penguasaan mufradat dalam kalangan pelajar.Strategi pengajaran yang efektif dalam meningkatkan penguasaan mufradat atau kosa kata sangat diperlukan untuk menyokong keberhasilan pelajaran Bahasa Arab (Nasarudin, 2025).

Penggunaan kad flip sebagai intervensi kreatif bagi meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dilihat mampu menarik minat pelajar melalui penyampaian maklumat yang ringkas, visual dan mudah difahami. Kaedah ini bukan sahaja membantu meningkatkan daya ingatan dan kefahaman mufradat, malah menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran. Pelajar juga akan lebih seronok kerana boleh melakukan aktiviti belajar sambil bermain dengan menggunakan kaedah pembelajaran yang berasaskan kad flip. Sehubungan itu, penggunaan kad flip diperkenalkan sebagai satu inovasi pedagogi bagi meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab secara lebih berkesan (Noraini Idris, 2013).

Konsep pengulangan juga diberi penekanan terhadap proses perolehan kosa kata Arab. Keistimewaan kad flip ini adalah boleh digunakan berulang kali dan ini akan memberi kelebihan kepada pelajar untuk mengulangkaji mufradat secara lebih mudah,santai dan Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, malah membantu pelajar mengingat dan menguasai kosa kata melalui aktiviti yang melibatkan pengulangan secara aktif. Kajian Shahrizal et al. (2017) mendapati konsep takrir diamalkan dalam *metode* pengajaran guru Bahasa Arab untuk memantapkan penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hal ini dikatakan kad flip merupakan intervensi kreatif kerana reka bentuknya yang boleh diulang-ulang.

Kajian yang lebih sistematik mengenai penggunaan kad flip sebagai intervensi kreatif bagi meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tetap perlu dijalankan walaupun bahan bantu mengajar interaktif semakin popular pada zaman kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui sejauh mana penggunaan kad flip boleh meningkatkan penguasaan dan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Sorotan Kajian Lepas

Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa penguasaan mufradat merupakan elemen asas dalam pembelajaran Bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai penguasaan mufradat yang baik lebih mudah memahami kemahiran bahasa seperti membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Namun begitu, terdapat pelajar yang menghadapi kesukaran untuk mengingati dan memahami kosa kata Bahasa Arab kerana kaedah pengajaran yang digunakan kurang menarik dan kurang interaktif. Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang bersifat visual dan aktif amat diperlukan bagi membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap mufradat Bahasa Arab. Dalam era pendidikan abad ke-21, penggunaan media pembelajaran interaktif semakin diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Antara media yang sering digunakan ialah *flash card* atau kad imbas, yang dilihat mampu membantu pelajar menguasai mufradat serta memahami struktur bahasa dengan lebih mudah dan menyeronokkan. Flash card ialah kad bergambar yang mengandungi tulisan di bawahnya dengan reka bentuk warna yang menarik, yang boleh menarik perhatian serta meningkatkan motivasi pelajar (Hoerudin, 2023). Penggunaan media visual seperti ini juga dapat meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam sesi pembelajaran serta mengurangkan kebosanan ketika proses pengajaran berlangsung. Menurut kajian oleh Yudisthira Ade Hermansyah (2025), penggunaan *flash card* dalam pembelajaran Tarkib Bahasa Arab memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan hasil pembelajaran pelajar. Kajian eksperimen yang dijalankan di SMK Muhammadiyah 5 Kepanjen mendapati bahawa skor *post-test* pelajar meningkat selepas penggunaan media tersebut. Hasil analisis ujian-t menunjukkan nilai signifikan kurang daripada 0.05, sekali gus membuktikan bahawa penggunaan *flash card* berkesan dalam meningkatkan penguasaan kosa kata dan struktur ayat Bahasa Arab.

Selain itu, kajian tersebut turut menegaskan bahawa *flash card* membantu pelajar mengingat mufradat dengan lebih cepat melalui penggunaan elemen visual dan pengulangan secara aktif. Kaedah ini juga menjadikan pelajar lebih fokus, bersemangat, dan aktif ketika sesi pembelajaran berlangsung. Penggunaan media yang menarik dan interaktif mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif serta meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab (Hermansyah, 2025). Dapatan ini selari dengan kajian oleh Zubaidillah (2019) yang menyatakan bahawa media kad bergambar (*flash card*) berupaya meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Penggunaan gambar dan perkataan secara serentak membantu pelajar memahami maksud perkataan dengan lebih mudah serta meningkatkan daya ingatan mereka terhadap mufradat yang dipelajari.

Di samping itu, Rahman et al. (2021) turut menjelaskan bahawa penggunaan *flash card* bukan sahaja meningkatkan daya ingatan pelajar, malah membantu meningkatkan minat dan keyakinan mereka dalam menggunakan Bahasa Arab. Kaedah ini membolehkan pelajar belajar secara santai dan tidak terlalu bergantung kepada kaedah hafalan tradisional yang sering dianggap membosankan. Menurut Saputri (2020) pula, *flash card* merupakan media pembelajaran yang praktikal, mudah digunakan, dan menyeronokkan untuk pelajar. Media ini membantu proses pengulangan maklumat secara konsisten sekali gus meningkatkan keupayaan pelajar mengingat sesuatu kosa kata dengan lebih berkesan. Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan media *flash card* dalam pembelajaran Bahasa Arab memberikan impak positif terhadap penguasaan mufradat, motivasi, penglibatan aktif, dan pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian Zahrah et al., (2024) menunjukkan bahawa penglibatan pelajar semakin meningkat setelah menggunakan kad flip semasa pembelajaran

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Bahasa Arab. Pelajar menunjukkan penyertaan dan semangat yang lebih apabila belajar melalui kad flip. Oleh itu, penggunaan flip kad sebagai bahan bantu mengajar dilihat sesuai diaplikasikan dalam PdP Bahasa Arab bagi membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar secara lebih interaktif dan menyeronokkan.

Pelbagai penelitian menunjukkan bahawa penggunaan flip kad ini membantu meningkatkan mufradat pelajar. Kad flip merupakan satu alat visual yang merangkumi gambar dan perkataan yang membantu pelajar memahami kandungan terutamanya dalam mengajarkan mufradat, angka dan simbol (Mitami et al., 2024). Menurut Saputra et al., (2022) penggunaan bahan bantu mengajar seperti kad flip ini membantu pelajar memahami maklumat dengan lebih mudah dengan persembahan visual serta penglibatan pelajar semakin aktif dan menyokong pemahaman pembelajaran. Dengan persembahan yang interaktif dan pelbagai, kad flip mampu mengatasi kejenuhan yang muncul melalui penghafalan secara konvensional (Saputra et al., 2022). Menurut Desi Murniati Siregar et al., (2022) penggunaan flip kad membantu pelajar mengingati kosa kata baharu, mengetahui struktur perkataan asas serta memahami konteks penggunaannya. Selain itu, kad flip membantu seseorang dalam memperoleh pemahaman dan maklumat (Ashipala, 2023).

Menurut Zahrah et al., (2024) data yang dikumpul melalui penilaian pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kosa kata dan pengekalan mengingati kosa kata. Kad flip mendedahkan kosa kata baharu secara berulang dan meningkatkan pengekalan ingatan. Dalam kajian Nilma Sopha (2025), terdapat peningkatan dalam nilai rata-rata penguasaan mufradat pelajar Madrasah Ibtidaiyah setelah menggunakan kad flip. Selari dengan kajian Qomarudin (2024), menunjukkan bahawa kad flip memberi pengaruh yang positif dari segi kemampuan hafalan kosa kata dalam kalangan pelajar Madrasah Ibtidaiyah.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kad flip atau flashcard mempunyai potensi yang tinggi dalam membantu meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab, di samping meningkatkan minat, motivasi dan penglibatan pelajar dalam PdP Bahasa Arab. Oleh itu, kajian tindakan ini dijalankan bagi menilai keberkesanan penggunaan kad flip dalam meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Pernyataan Masalah

Penguasaan mufradat merupakan salah satu komponen asas yang sangat penting dalam pembelajaran Bahasa Arab kerana penguasaan kosa kata yang baik membantu pelajar memahami kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur dengan lebih berkesan. Namun begitu, menurut Khotimah et.al., (2021) masih terdapat pelajar yang menghadapi kesukaran dalam menguasai mufradat Bahasa Arab disebabkan oleh kaedah pembelajaran yang kurang menarik dan berpusatkan guru. Keadaan ini menyebabkan pelajar cepat berasa bosan, kurang memberi tumpuan serta sukar mengingati perkataan yang telah dipelajari semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan (Jailani, 2022).

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang kurang interaktif turut mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam PdP Bahasa Arab. Pelajar cenderung menjadi pasif dan kurang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran apabila kaedah pengajaran yang digunakan tidak dapat menarik perhatian mereka. Menurut kajian oleh Ainun Shofiyatu Az

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Zahrah, (2024), penggunaan media flashcard mampu meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran mufradat Bahasa Arab serta mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih aktif dan interaktif. Kajian tersebut juga mendapati bahawa penggunaan flashcard membantu meningkatkan daya ingatan dan kefahaman pelajar terhadap kosa kata Bahasa Arab. Dalam kajian Taufiq et a., (2023) penggunaan strategi yang tidak tepat dan tidak sesuai dengan kompetensi juga merupakan faktor kurangnya pemahaman pelajar terhadap pembelajaran bahasa arab.

Di samping itu, kelemahan pelajar dalam menguasai mufradat Bahasa Arab turut memberi kesan terhadap keyakinan dan motivasi mereka untuk menggunakan Bahasa Arab dalam pembelajaran Mahmoud, (2022). Menurut Fatimah (2022), pelajar yang mempunyai penguasaan kosa kata yang rendah lazimnya kurang yakin untuk menjawab soalan, berkomunikasi atau melibatkan diri dalam aktiviti bahasa. Kajian terkini dalam penelitian Salsabilah et al., (2025) menunjukkan bahawa penggunaan media flashcard dapat membantu meningkatkan motivasi pelajar serta memudahkan proses hafalan dan penguasaan mufradat Bahasa Arab melalui penggunaan bahan visual dan aktiviti pengulangan yang lebih menyeronokkan.

Sehubungan dengan itu, satu pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan berkesan perlu dilaksanakan bagi membantu meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian tindakan ini dijalankan bagi menilai keberkesanan penggunaan kad flip sebagai intervensi dalam meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab serta tahap motivasi, keyakinan dan penglibatan pelajar dalam PdP Bahasa Arab.

Objektif Kajian

i. Menilai persepsi pelajar terhadap daya tarikan kad flip dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mufradat Bahasa Arab.
ii. Mengenal pasti keberkesanan kad flip dalam meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.
iii. Menilai motivasi dan keyakinan pelajar dalam penggunaan kad flip sebagai intervensi bagi meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menilai persepsi pelajar terhadap daya tarikan penggunaan kad flip sebagai intervensi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mufradat Bahasa Arab. Selain itu, mengenal pasti sejauh manakah penggunaan kad flip berkesan dalam meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar serta menilai motivasi dan keyakinan pelajar terhadap penggunaan kad flip sebagai intervensi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dengan reka bentuk keratan rentas bagi mengkaji persepsi pelajar terhadap penggunaan kad flip sebagai alat bantu mengajar dalam pembelajaran mufradat Bahasa Arab. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mengukur pemboleh ubah kajian secara sistematik dan menganalisis data secara

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

statistik deskriptif bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang fenomena yang dikaji (Charli et al., 2022). Soal selidik diedarkan secara dalam talian menggunakan Google Form bagi memudahkan pengumpulan data daripada responden yang terdiri daripada pelajar pelbagai peringkat pengajian.

Kajian ini melibatkan seramai 200 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah persampelan mudah (convenience sampling) berdasarkan kesudian mereka untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 113 orang perempuan (56.5%) dan 87 orang lelaki (43.5%). Dari segi umur, majoriti responden berusia 23 tahun ke atas (53.0%), diikuti kumpulan 18–22 tahun (32.5%) dan 13–17 tahun (14.5%). Bagi tahap pengajian, lebih separuh responden merupakan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda (52.5%), diikuti Diploma dan setara (25.5%), pelajar sekolah menengah (17.0%) serta peringkat sarjana dan lain-lain (5.0%). Dari sudut penguasaan Bahasa Arab, sebilangan besar responden berada pada tahap sederhana (50.0%), diikuti tahap baik (34.5%) dan lemah (15.5%).

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang mengandungi dua bahagian utama. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden seperti jantina, umur, tahap pengajian dan tahap penguasaan Bahasa Arab. Bahagian B pula mengandungi 20 item pernyataan menggunakan Skala Likert Lima Mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju) bagi mengukur persepsi responden terhadap penggunaan kad flip dalam pembelajaran mufradat Bahasa Arab, merangkumi dimensi daya tarikan, keberkesanan memori dan hafalan, kemudahan pemahaman, motivasi dan keyakinan, serta kesesuaian sebagai bahan bantu mengajar. Data dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian yang diedarkan secara sukarela, dan kerahsiaan maklumat responden dijaga sepanjang proses kajian dijalankan. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif meliputi frekuensi, peratusan dan min. Interpretasi nilai min merujuk kepada tiga peringkat, iaitu rendah (1.00–2.33), sederhana (2.34–3.66) dan tinggi (3.67–5.00) bagi menilai tahap persetujuan responden terhadap setiap item berkaitan penggunaan kad flip.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis data soal selidik yang diperoleh daripada 200 orang responden. Dapatan dibahagikan mengikut tiga objektif kajian, iaitu persepsi responden terhadap daya tarikan kad flip, keberkesanan kad flip dalam meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab, serta motivasi dan keyakinan pelajar terhadap penggunaan kad flip sebagai intervensi bagi meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Objektif 1: Menilai Persepsi Pelajar Terhadap Daya Tarikan Kad Flip Dalam Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Mufradat Bahasa Arab

Jadual 1: Persepsi Responden terhadap Daya Tarikan Kad Flip

Bil	Item Pemerhatian	Setuju (Ya)	Sederhana	Tidak Setuju
1	Pernah menggunakan kad flip dalam pembelajaran Bahasa Arab	69.0% (138)	—	31.0% (62)
2	Kad flip menarik untuk digunakan semasa sesi PdP	93.0% (186)	4.5% (9)	1.5% (3)
3	Kad flip menjadikan suasana pembelajaran lebih aktif dan menyeronokkan	97.0% (194)	2.0% (4)	1.0% (2)
4	Lebih seronok belajar mufradat menggunakan kad flip berbanding kaedah tradisional	91.0% (182)	8.0% (16)	1.0% (2)
5	Kad flip sesuai digunakan dalam sesi pembelajaran	95.5% (191)	3.5% (7)	1.0% (2)

Merujuk kepada Jadual 1, dapatan kajian mendedahkan bahawa sebahagian besar responden memberikan maklum balas yang amat positif terhadap tahap daya tarikan kad flip sebagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mufradat Bahasa Arab. Sebanyak 186 responden (93.0%) menyatakan persetujuan bahawa penggunaan kad flip menarik minat mereka sepanjang sesi PdP dijalankan. Item yang memperoleh peratusan persetujuan paling tinggi adalah berkaitan penciptaan suasana pembelajaran yang lebih aktif dan menyeronokkan, di mana 97.0% responden bersetuju bahawa kad flip berjaya menjadikan sesi PdP lebih kondusif serta berkesan. Selain itu, seramai 95.5% responden turut bersetuju bahawa kad flip merupakan bahan yang sesuai digunakan dalam sesi pembelajaran mereka, manakala 91.0%-pula menyatakan mereka lebih seronok mempelajari mufradat menggunakan kad flip berbanding kaedah pengajaran tradisional.

Dapatan kajian dalam objektif pertama mendapati bahawa kad flip berupaya menarik perhatian serta menggalakkan penglibatan aktif pelajar sepanjang sesi pembelajaran mufradat Bahasa Arab dijalankan. Perkara ini 1278actor selari dengan hasil kajian Hermansyah (2025) dan Zubaidillah (2019) yang mendapati bahawa bahan bantu mengajar bercorak interaktif dan visual mampu meningkatkan motivasi 1278actor1278ka dalam kalangan pelajar, seterusnya menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam proses pembelajaran. Meskipun terdapat

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

sebilangan kecil responden (31.0%) yang menyatakan belum pernah menggunakan kad flip sebelum ini, dapatan keseluruhan tetap menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi terhadap bahan bantu mengajar ini dalam kalangan pelajar pada pelbagai peringkat. Hal ini membuktikan bahawa fleksibiliti serta daya tarikan visual yang dimiliki oleh kad flip membolehkan ia diterima pakai secara meluas merentasi pelbagai peringkat usia dan latar belakang 1279actor1279kan. Tambahan pula, dapatan ini turut memperlihatkan bahawa kad flip mampu memberikan 1279acto yang positif walaupun digunakan buat kali pertama, sekali gus membuktikan bahawa daya tariknya bukan semata-mata bergantung kepada 1279actor kebiasaan, sebaliknya lebih dipengaruhi oleh ciri visual dan interaktif bahan tersebut.

Objektif 2: Mengenal Pasti Keberkesanan Kad Flip dalam Meningkatkan Penguasaan Mufradat Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar

Jadual 2: Keberkesanan Kad Flip dalam Penguasaan Mufradat Bahasa Arab

Bil	Item Pemerhatian	Min	SP	% Setuju	Tahap
6	Kad flip membantu mengingati perkataan dengan lebih cepat	4.49	0.71	89.5%	Tinggi
7	Membantu memahami maksud mufradat dengan cepat	4.47	0.66	92.0%	Tinggi
8	Lebih mudah memahami maksud perkataan Bahasa Arab	4.35	0.75	85.5%	Tinggi
9	Dapat mengingati mufradat dalam jangka masa yang lebih lama	4.18	0.84	81.0%	Tinggi
10	Dapat menghafal mufradat dengan lebih cepat menggunakan kad flip	4.34	0.69	90.5%	Tinggi
11	Dapat mengaplikasikan mufradat dalam membina ayat	4.33	0.72	85.5%	Tinggi
12	Kad flip membantu mengeja perkataan Bahasa Arab dengan betul	4.39	0.74	92.0%	Tinggi

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

13	Membantu memperbaiki sebutan dan ejaan mufradat	4.38	0.67	91.5%	Tinggi
14	Gambar dan perkataan pada kad flip membantu mengingati mufradat lebih lama	4.44	0.73	90.0%	Tinggi

Merujuk kepada Jadual 2, dapatan menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden terhadap keberkesanan kad flip dalam merangsang pemahaman serta hafalan mufradat Bahasa Arab. Sebahagian besar responden (92.0%) bersetuju bahawa kad flip membantu mereka memahami maksud sesuatu mufradat dengan lebih cepat dengan min (4.47), manakala 89.5%-pula bersetuju bahawa penggunaan kad flip membolehkan mereka mengingati perkataan dengan lebih cepat dengan nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu sebanyak (4.49). Selain itu, keupayaan untuk mengeja perkataan Bahasa Arab dengan betul turut mencatatkan peratusan persetujuan yang tinggi (92.0%), diikuti oleh keupayaan memperbaiki sebutan dan ejaan mufradat yang turut memperoleh persetujuan yang tinggi (91.5%).

Namun begitu, item yang mencatatkan tahap persetujuan paling rendah adalah berkaitan keupayaan mengingati mufradat dalam tempoh jangka masa yang lebih panjang, dengan hanya 81.0% responden yang bersetuju (min = 4.18, SP = 0.84). Meskipun nilai ini masih tergolong pada tahap tinggi, perbezaan yang wujud ini menunjukkan bahawa proses pengekalan memori jangka panjang memerlukan latihan serta pengulangan yang lebih konsisten dan tidak boleh hanya bergantung kepada penggunaan kad flip semata-mata. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Saimon et al. (2023) yang menekankan bahawa penguasaan sesuatu bahasa memerlukan pendedahan secara berulang dan berterusan bagi memastikan skema kognitif pelajar dapat dimantapkan dengan baik.

Dari aspek pengaplikasian mufradat dalam konteks pembinaan ayat pula, seramai 85.5% responden bersetuju bahawa mereka mampu mengaplikasikan mufradat yang telah dipelajari melalui kad flip ke dalam pembinaan ayat. Dapatan ini membuktikan bahawa kad flip bukan sahaja berfungsi sebagai alat bantu hafalan yang bersifat pasif, malah turut mampu merangsang pemahaman kontekstual terhadap mufradat sehingga membolehkan pelajar menggunakannya secara lebih produktif. Elemen gambar dan perkataan yang digabungkan secara serentak pada kad flip dipercayai memainkan peranan penting dalam proses ini, selaras dengan prinsip dual coding yang menjelaskan bahawa maklumat yang diproses menerusi dua saluran kognitif secara serentak lebih mudah diingati dan diaplikasikan (Paivio, dalam Mohammed Na'aim & Karpudewan, 2023).

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Objektif 3: Menilai Motivasi Dan Keyakinan Pelajar Dalam Penggunaan Kad Flip Sebagai Intervensi Bagi Meningkatkan Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar

Jadual 3: Motivasi, Keyakinan dan Sikap Pelajar terhadap Penggunaan Kad Flip

Bil	Item Pemerhatian	Min	SP	% Setuju	Tahap
15	Lebih seronok belajar mufradat menggunakan kad flip	4.46	0.73	91.0%	Tinggi
16	Penggunaan kad flip meningkatkan keinginan menghafal mufradat baharu	4.42	0.64	94.0%	Tinggi
17	Lebih yakin menggunakan mufradat setelah menggunakan kad flip	4.46	0.66	93.5%	Tinggi
18	Lebih bermotivasi belajar apabila kad flip digunakan semasa PdP	4.44	0.66	92.5%	Tinggi
19	Kad flip membantu lebih fokus semasa sesi PdP	4.42	0.80	87.5%	Tinggi
20	Kad flip adalah bahan bantu mengajar yang berkesan	4.46	0.73	93.0%	Tinggi
21	Kad flip membantu meningkatkan prestasi dalam Bahasa Arab	4.42	0.64	92.0%	Tinggi

Merujuk kepada Jadual 3, dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan kad flip memberikan kesan yang signifikan terhadap dimensi motivasi serta keyakinan diri pelajar. Seramai 94.0% responden bersetuju bahawa penggunaan kad flip meningkatkan keinginan mereka untuk menghafal mufradat baharu dengan lebih kerap, menjadikan item ini sebagai item yang mencatatkan peratusan persetujuan tertinggi dalam dimensi berkenaan. Selain itu, item yang berkaitan dengan keyakinan menggunakan mufradat yang telah dipelajari turut mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi (93.5%), diikuti pula oleh item berkaitan motivasi belajar (92.5%) serta penilaian terhadap kad flip sebagai bahan bantu mengajar yang berkesan (93.0%).

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Dapatan ini membuktikan bahawa kad flip bukan sahaja berfungsi sebagai alat bantu kognitif, malah turut memberi pengaruh terhadap dimensi afektif pelajar dari sudut emosi, sikap dan perasaan secara positif. Aspek motivasi dan keyakinan merupakan antara faktor kritikal dalam proses pembelajaran bahasa kedua, memandangkan kekurangan unsur emosi berpotensi membataskan usaha pelajar untuk menguasai mufradat baharu (Rahman et al., 2021). Peratusan persetujuan yang tinggi bagi item berkaitan keseronokan (91.0%) serta fokus semasa sesi PdP (87.5%) menunjukkan bahawa kad flip mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan kondusif, selari dengan dapatan Hermansyah (2025) yang mendapati bahawa pendekatan berasaskan bahan bantu interaktif berupaya mengurangkan kebosanan serta meningkatkan penglibatan aktif pelajar sepanjang sesi pengajaran dijalankan. Menariknya, item "Kad flip membantu lebih fokus semasa sesi PdP" mencatatkan peratusan persetujuan yang sedikit lebih rendah (87.5%) berbanding item-item lain dalam dimensi ini, sekali gus menunjukkan bahawa tahap fokus pelajar turut dipengaruhi oleh faktor luaran lain seperti saiz kelas, tempoh pembelajaran, atau cara penyampaian guru. Aspek ini merupakan perkara yang tidak diukur secara langsung dalam kajian semasa dan boleh dijadikan fokus kajian pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, nilai min bagi ketiga-tiga bahagian yang dikaji berada dalam lingkungan 4.18 hingga 4.61, dan kesemua item ditafsirkan berada pada tahap tinggi berdasarkan skala interpretasi min yang digunakan. Min keseluruhan bagi 20 item dalam kajian ini ialah 4.40 (SP = 0.72), yang menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap penggunaan kad flip dalam pembelajaran mufradat Bahasa Arab adalah sangat positif serta menyeluruh merentasi semua bahagian yang dikaji.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa "Kad Flip" sebagai intervensi kreatif bagi meningkatkan penguasaan mufradat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar memberikan impak yang positif dan memberangsangkan terhadap pelajar. Dari aspek persepsi, pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap daya tarikan "Kad Flip" kerana pendekatannya yang lebih interaktif, visual dan menyeronokkan berbanding kaedah konvensional. Penggunaan bahan ini memudahkan pelajar memahami, mengingat dan mengaplikasikan kosa kata dengan lebih baik melalui pembelajaran yang lebih bermakna dan berulang secara tidak langsung. Di samping itu, aspek motivasi dan keyakinan pelajar turut menunjukkan peningkatan yang ketara. Pelajar didapati lebih berani untuk menggunakan mufradat dalam komunikasi serta lebih yakin untuk menyertai aktiviti pembelajaran di dalam kelas.Secara keseluruhannya, penggunaan Kad Flip wajar diperkukuhkan dan diperluaskan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab kerana ia berpotensi meningkatkan penguasaan mufradat, motivasi serta keyakinan pelajar secara holistik.

Tambahan pula, Kad Flip sebagai intervensi kreatif merupakan satu pendekatan yang berpotensi membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Penggunaannya yang mudah, menarik dan boleh diulang berkali-kali dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengukuhkan penguasaan mufradat secara berterusan. Justeru, Kad Flip bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, malah dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran Bahasa Arab yang lebih aktif, kreatif dan bermakna.

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Penghargaan:	Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) serta Pusat Pemindahan Ilmu dan Pendidikan Berterusan (P2P) UniSZA sebagai tanda penghargaan atas sokongan dan sumber ilmu yang telah diberikan yang menjadi asas kepada penulisan artikel ini. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua pelajar yang telah memberikan kerjasama penuh dan melengkapkan borang soal selidik. Sumbangan anda yang jujur dan bermakna adalah faktor utama kejayaan dapatan kajian ini. Semoga artikel ini dapat memberi sumbangan yang bermanfaat dalam bidang pendidikan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Rujukan

Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.

Hermansyah, Y. A. (2025). Penggunaan flash card sebagai media pembelajaran interaktif untuk meningkatkan penguasaan materi Tarkib Bahasa Arab. *Tarbiyatuna: Jurnal Pendidikan Ilmiah*, *10*(1), 49–62. https://ejournal.kopertais4.or.id/mataraman/index.php/tarbiyatuna/article/download/6144/3960/

Khotimah, I., Ulum, M., & Yutami, F. A. (2021). Penerapan media bergambar dalam meningkatkan pembelajaran kosa kata di MIN 1 Probolinggo. *Studi Arab*, *12*(2), 147–156. https://doi.org/10.35891/sa.v12i2.3121

Mitami, M., Muttaqien, N., & Budiatman, I. (2024). Pengaruh media flash card terhadap penguasaan kosakata Bahasa Inggris siswa kelas IV SDN Pegadungan 02 Pagi. *Dedikasi Pendidikan*, *8*(1), 239–284. https://doi.org/10.30601/dedikasi.v8i1.4342

Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin & Muhammad Sabri Sahrir. 2017. Persepsi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran Bahasa Arab. *ISLAMIYYAT* 39(1): 29-37. http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-04

Noraini Idris. (2013). *Pedagogi dalam pendidikan: Pendekatan pengajaran berkesan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Paivio, A. (1971). *Imagery and verbal processes*. Holt, Rinehart & Winston.

Qomarudin, M., & Pratama, H. (2024). Pengaruh penggunaan media flash card terhadap kemampuan menghafal kosa kata Bahasa Arab kelas IV di MI se Kecamatan Bumi Agung Way Kanan. *Jurnal Pendidikan*, *11*(3), 227–231. https://doi.org/10.30599/jpia.v11i3.3852

Rahman, N. H., Mayasari, A., Arifudin, O., & Wahyu Ningsih, I. (2021). Pengaruh media flashcard dalam meningkatkan daya ingat siswa pada materi mufrodat Bahasa Arab. *Jurnal Tahsinia*, *2*(2), 99–106. https://doi.org/10.57171/jt.v2i2.296

Salsabilah, T., Baihaqi, M., Huda, H., & Rofiq, A. (2025). Efektivitas penggunaan flashcard visual terhadap kemampuan siswa dalam menghafal mufrodat Bahasa Arab. *JIIP – Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, *8*(10), 11697–11702. https://doi.org/10.54371/jiip.v8i10.9517

Saputra, D., Fidri, M., Fatoni, & Nurhayati. (2022). Penggunaan media flashcard dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk penguasaan kosa kata. *Jurnal AS-SAID*, *2022*(1), 127–137.

Saputri, S. W. (2020). Pengenalan flashcard sebagai media untuk meningkatkan kemampuan Bahasa Inggris. *ABDIKARYA: Jurnal Pengabdian dan Pemberdayaan Masyarakat*, *2*(1), 56–61. https://doi.org/10.47080/abdikarya.v2i1.1061

Sopha, P. (2025). Penerapan media pembelajaran flash card dalam meningkatkan hafalan mufrodat Bahasa Arab siswa kelas IV Madrasah Ibtidaiyah Swasta Tarbiyah Islamiyah Jelutung Kota Jambi. *Akhlak: Jurnal Pendidikan Agama Islam dan Filsafat*, *2*(2). https://doi.org/10.61132/akhlak.v2i2.699

students' interest in learning mufrodat in learning Arabic. *IERA: Islamic Education and Research Academy*, *5*(1), 1–9. https://doi.org/10.59689/iera.v5i1.1518

Taufik, T., Azmi, D. I., Zahire, I. N. A., Sa'adah, N., Ernawati, N., & Wulandari, P. (2023). Pembelajaran unsur-unsur Bahasa Arab (mufradat dan qawaid) dengan penerapan strategi pembelajaran flashcard di kelas V Madrasah Ibtidaiyah (MI). *Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, *15*(1), 61–70. https://doi.org/10.15548/diwan.v15i1.1090

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1271-1285

Webb, S., & Nation, P. (2017). *How vocabulary is learned*. Oxford University Press.
Zahrah, A. S. A., & Wajdi, M. (2024). Implementation of flashcard media in increasing
Zubaidillah, M. H., & Hasan, H. (2019). Pengaruh media kartu bergambar flash card terhadap penguasaan kosakata Bahasa Arab. *Al Mi'yar: Jurnal Ilmiah Pembelajaran Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, *2*(1), 41–56. https://doi.org/10.35931/am.v2i1.9